

## **BANK ISLAM LANTIK SITI NUR HUDA SUFIAN SEBAGAI KETUA PEGAWAI KEWANGAN KUMPULAN BAHARU**

**KUALA LUMPUR, Khamis, [31 Julai 2025]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) mengumumkan pelantikan Siti Nur Huda Sufian sebagai Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan (GCFO) baharunya berkuat kuasa 1 Ogos 2025. Beliau menggantikan Azizan Abd Aziz.

Siti Nur Huda menyertai Bank Islam pada tahun 2022 dan beliau telah memainkan peranan penting dalam memacu inisiatif strategik merentasi Perbankan Institusi dan Kewangan Kumpulan. Sebelum menjawat jawatan GCFO, beliau merupakan Ketua Pengawal Kewangan Kumpulan Bank Islam.

Dengan pengalaman selama hampir 20 tahun merentasi bidang audit dan asurans, strategi korporat, kewangan dan perbankan, beliau memulakan kerjayanya di PricewaterhouseCoopers (PwC), diikuti jawatan kepimpinan utama di Maybank Islamic dan Perbankan Global Kumpulan Maybank.

Beliau merupakan seorang akauntan bertauliah (ICAEW), ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA), dan memegang ijazah Perakaunan & Kewangan daripada University of Southampton.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed, berkata, "Bank Islam merakamkan penghargaan kepada bekas GCFO, Azizan Abd Aziz, atas sumbangan bermakna, kepimpinan dan perkhidmatan cemerlang kepada Kumpulan. Di bawah kepimpinan beliau, Bank Islam berupaya memperkukuh daya tahan fiskal, mengemudi perubahan industri yang kompleks dan menyampaikan nilai jangka panjang kepada pemegang taruh. Kami mendoakan kejayaan dalam fasa perjalanan kerjaya beliau seterusnya. Kami juga mengalu-alukan Siti Nur Huda memegang jawatan baharu ini. Dengan pengetahuan dan pengalaman luas yang dimiliki beliau, kami yakin pelantikan ini akan terus memacu agenda pertumbuhan Bank."

---

### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.